

Jumlah bakal jemaah haji divaksin bergantung kuota



ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

Oleh AMREE AHMAD 4 Mac 2021, 2:54 pm

PUTRAJAYA: Bilangan bakal jemaah haji yang akan menerima vaksin Covid-19 bergantung kepada jumlah kuota rasmi bagi negara ini setelah dimuktamadkan oleh kerajaan Arab Saudi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, pada ketika ini masih awal untuk diberikan jawapan berhubung isu vaksinasi tersebut.

“Perkara seperti ini agak terlalu awal dan akan saya bincang satu persatu dengan kerajaan Arab Saudi serta menantikan keputusan rundingan daripada pihak negara tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Kit Rakan Masjid Hospital (Ramah) dan Penyampaian Kerusi Roda Pesakit Hospital di Kompleks Islam, di sini hari ini.

Semalam, beliau dilaporkan menyambut baik keputusan kerajaan Arab Saudi mewajibkan bakal jemaah disuntik vaksin Covid-19 untuk musim haji kali ini yang akan bermula 19 Julai ini.

Sebelum ini, umat Islam dari seluruh dunia yang mahu menunaikan ibadah fardu itu dan umrah diwajibkan mengambil suntikan Meningococcal Quadrivalent, Meningitis dan Influenza.

Pada 15 Februari lalu, beliau berkata, kuota bakal jemaah akan dimuktamadkan Arab Saudi setelah Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beliau melawat negara itu bulan ini.

Mengulas lanjut, Zulkifli berkata, setakat ini beliau sendiri belum lagi mendapat kenyataan rasmi terus daripada Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr. Mohammad Saleh Tahir Benteen.

“Saya sedia terima apa sahaja keputusan dan sehingga kini tiada apa-apa lagi, bukan sahaja Malaysia, malah negara dari seluruh dunia belum tahu kuota jemaah haji mereka,” jelasnya.

Beliau namun yakin dengan kebijaksanaan Penjaga Dua Tanah Suci, Raja Salman Abdulaziz kerana negara itu juga mahu memastikan situasi wabak Covid-19 kembali reda dan selamat.

Awal tahun lalu, Malaysia menerima tambahan kuota rasmi sehingga 31,600 bakal jemaah namun tidak dapat dihantar ekoran penutupan sempadan Arab Saudi pada musim haji lalu.

Ditanya apakah beliau akan memohon diberi keutamaan kepada bakal jemaah haji menerima vaksin, Zulkifli berkata, perkara itu akan dimasukkan dalam mesyuarat Kabinet akan datang.


Secara dasar, beliau tiada masalah sedia berunding dengan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi membolehkan mereka itu dapat didahulukan

Di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang dilancarkan pada 24 Februari lalu, Fasa 2 melibatkan warga emas dan golongan rentan bermula bulan depan sehingga Ogos ini.

Sekiranya mendapat kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN), kumpulan pertama bakal jemaah akan berlepas pada 12 Jun ini sehingga penerbangan terakhir sebelum wukuf 19 Julai depan. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by






Simbah asid tak
dapat pinjam...

Pengunjung
merosot 70...

Arahan bekerja
dari rumah...




AD



Belajar cara
melabur santa...

126,000 individu
disuntik vaksi...

Isteri cubit lagi
sakit' – Wan...



Kuota haji
diketahui...

Guru 'tayang
gaji' dibenark...

Keuntungan TH
lebih tinggi



POPULAR



Covid-19: Jakarta keluar zon merah

5 May 2021 10:15 AM




5 Mac 2021, 10:15 am



Alli bawa impak besar

5 Mac 2021, 10:03 am



Klana Beach Resort tampil kelainan

5 Mac 2021, 10:01 am



Fahami zakat perniagaan

5 Mac 2021, 10:00 am

IKLANKAN
PRODUK
ANDA DI SINI

Utusan
Malaysia

Kosmo!

Hubungi kami
sales@mediamulla.com.my



Pasangan Muslim berketurunan Turki penemu vaksin

Vettel tenang hadapi fasa baharu karier

Penduduk dakwa kerangka besi rendah dari jejambat

Tragedi bulan Mac berulang lagi

Botol berisi udara segar dijual RM425

Derma darah gaya hidup sihat Azhan Rani

BERITA BERKAITAN



Alli bawa impak besar

5 Mac 2021, 10:03 am



Gerei colek buah Mansyur kembali meriah

5 Mac 2021, 9:35 am



'Bosan' masa PKP, dorong Hakimi usahakan kebun sayur di laman rumah

5 Mac 2021, 9:29 am





Pengunjung merosot 70 peratus di Taman Eko-Rimba Bukit Ayer, Batu Pahat

5 Mac 2021, 9:23 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami